

9.12.2022

Kenyataan Media

Oleh Ir. Pathmanathan K
Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBAHB

BEKALAN AIR UNTUK KESELURUHAN PENGGUNA YANG TERJEJAS DI PULAU PINANG PULIH

- **PBAPP berusaha tanpa henti memastikan gangguan bekalan air berjadual untuk pengguna-pengguna air berdaftar di Seberang Perai dan gangguan air luar jangka di bahagian pulau dipulihkan.**

PULAU PINANG, Jumaat, 9.12.2022: Bekalan air untuk 363,905 pengguna air berdaftar Pulau Pinang yang terjejas telah dipulihkan, setakat jam 11.00 pagi, Isnin, 5.12.2022, dengan pemulihan bekalan air terakhir di pekan Nibong Tebal dan Mukim 5, Seberang Perai Selatan (SPS).

PBAPP telah membatalkan pemasangan injap berdiameter 1200mm di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua apabila penyaluran air ke bahagian pulau terganggu disebabkan oleh kerosakan salah satu daripada 24 injap pengawalan serta tekanan air di kolam air Bukit Dumber menyusut. Selain itu, faktor kenaikan tahap kekeruhan (NTU) di Lahar Tiang ketika itu juga diambil kira.

Bagaimanapun, PBAPP berjaya menyiapkan kerja-kerja berikut:

1. Penggantian injap 1350mm di LRA Sungai Dua.
2. Kerja-kerja pembaikan paip 1200mm diameter di simpang Permatang Ara/Permatang Pasir.
3. Kerja penyelenggaraan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Rumah Pam Bukit Minyak.

Di samping itu, PBAPP juga telah mengambil kesempatan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut dalam tempoh henti tugas LRA Sungai Dua bagi mengelakkan gangguan bekalan air berjadual yang berulang kali.

1. Pemasangan injap kupu-kupu 600mm S-Bend di Permatang Pauh, di hadapan Politeknik Seberang Perai.
2. Pemasangan injap kupu-kupu 300mm S-Bend di Taman Pauh Indah, Permatang Pauh.
3. Pengalihan paip 600mm dan 450mm paip keluli lembut (MS) untuk projek “Menaik taraf jambatan merentasi Sungai Kerian dan membina jejambat merentasi Persimpangan Jalan Persekutuan ke Jalan Transkrian, SPS”.
4. Pengalihan paip 600mm paip keluli lembut (MS) untuk projek “Cadangan Pelebaran Jalan daripada 2 lorong kepada 4 lorong bermula dari Persimpangan Jalan Tok Kangar, Kebun Baru ke Jalan Juru Estate, Daerah SPT oleh JKR”.

Gangguan Bekalan Air Berjadual di Seberang Perai

Sebanyak 197,851 pengguna-pengguna air berdaftar di Seberang Perai terjejas dengan **gangguan bekalan air berjadual** berikutan henti tugas sebahagian LRA Sungai Dua pada 2 hingga 4 Disember 2022.

PBAPP melaksanakan kerja-kerja penggantian injap di LRA Sungai Dua dan pembaikan paip di Permatang Ara bermula jam 10.00 malam, 2.12.2022. Pada petang Sabtu, 3.12.2022, beberapa kawasan, terutama di Seberang Perai Utara sudah mula menerima bekalan air secara berperingkat-peringkat seperti yang dijadualkan.

Kebanyakan pengguna di Seberang Perai Tengah juga menerima bekalan air pada malam itu (3.12.2022) dan sebahagian SPS pada pagi Ahad, 4.12.2022 selepas Rumah Pam Bukit Minyak beroperasi. Bagaimanapun ada kawasan-kawasan di SPS hanya pulih bekalan air bermula pukul 1.00 pagi, 5.12.2022 apabila kolam air dan sistem pam di SPS kembali normal.

Bagaimanapun, kerosakan injap di pekan Nibong Tebal menyebabkan beberapa kawasan sekitar masih terputus bekalan air. PBAPP berusaha secara berterusan bagi memulihkan bekalan air untuk 500 pengguna berdaftar di kawasan berikut:

1. Jalan Baru, Pekan Nibong Tebal

2. Jalan Teluk Ipil

3. Kampung Che Isa

Kerja-kerja penggantian injap berkenaan selesai dijalankan pada pukul 10.45 pagi, Isnin, 5.12.2022 dan bekalan air ke kawasan berkenaan pulih semula.

Gangguan Bekalan Air Luar Jangka di bahagian Pulau

Seramai 165,054 pengguna di beberapa kawasan di Daerah Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang terjejas dengan **Gangguan Bekalan Air Luar Jangka** bermula pukul 3.30 pagi, 3.12.2022.

Bekalan air mula disalurkan semula kepada pengguna-pengguna di bahagian pulau mulai pukul 4.15 petang Sabtu, 3.12.2022 secara berperingkat-peringkat. Dalam hal ini, PBAPP berjaya memulihkan bekalan air dalam tempoh 12 jam dan kebanyakan kawasan telah menerima bekalan air dalam tempoh 24 jam.

Namun demikian, bekalan air kepada 29,382 pengguna di beberapa kawasan di bahagian pulau, iaitu yang berada di kawasan tinggi, hujung paip agihan dan pangsapuri yang tidak mempunyai sistem pengepam dalaman hanya dipulihkan mulai pukul 4 pagi, 5 Disember 2022 apabila bekalan air dalam sistem agihan stabil.

Saranan kepada pengguna

Susulan daripada insiden-insiden berkenaan, PBAPP ingin mengulangi saranan berikut kepada pengguna-pengguna air di negeri Pulau Pinang untuk:

- Pastikan rumah serta premis perniagaan mematuhi Kaedah 50 Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air Dan Pemasangan Paip) 2014 iaitu:

50. (1) "Mana-mana orang yang mereka bentuk dan membina tangki simpanan bagi hospital, lapangan terbang atau bangunan untuk industri sederhana dan berat hendaklah memastikan tangki simpanan



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

*itu direka bentuk dan dibina dengan muatan simpanan tidak kurang daripada permintaan air **dua hari** berdasarkan corak penggunaan terunjur yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Belas.*

*(2) Tangki simpanan bagi bangunan selain yang dinyatakan dalam subkaedah (1) hendaklah direka bentuk dan dibina dengan muatan simpanan tidak kurang daripada permintaan air **satu hari** berdasarkan corak penggunaan terunjur yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Belas.”*

Justeru, PBAPP memohon semua pengguna untuk memastikan rumah dan premis dilengkapi dengan tangki simpanan berdasarkan peruntukan di atas.

Sila hubungi Pusat Panggilan 24 Jam PBAPP di talian 04 255 8 255 atau aplikasi *myPBA* untuk melaporkan sebarang aduan mengenai bekalan air.

-tamat-

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd
Email: customer@pba.com.my